

BAHAGIAN A
[40 markah]
Jawab semua soalan

1. Rasaku ini sangatlah dahaga,
Barang sedikit carikan juga,
Pergilah berjalan Menteri ketiga,
Mencari sungai dengan telaga.

Dipetik daripada Puisi Tradisional dalam antologi Nilai Insan

Berikan **empat** ciri puisi berdasarkan petikan puisi di atas. [4 markah]

2. Kau adalah samudera
yang menenggelamkan
segenap benci dan angkara.
Hidup ini bagaikan karang segera
kan sering dipukul gelombang
(Kau tahu? Itulah yang membuatnya indah)

Dipetik daripada sajak Ingatan kepada kawan "XXIV" karya Zaen Kasturi

Nyatakan **dua** gaya bahasa perbandingan beserta contoh dalam petikan sajak di atas. [4 markah]

3. ... Maka kata Jepun itu, "Berapa puluh orang Melayu itu? Jika seorang dua, bukan lawan patik." Tatkala itu didengar oleh Laksamana, kata pendekar itu, maka ia pun marah, serta disingsingkan tangan bajunya dan mengisarkan kerisnya ke hadapan, serta katanya, "Cih, hendak berdusta pula! Bicara kamu ini empat lima berdiri pun tiada endah padaku!" Maka pendekar Jepun itu pun marah. Setelah dilihat oleh Phra Cau Laksamana marah itu, maka titah Phra Cau, "Laksamana jangan marah." Maka Laksamana pun menyembah, "Daulat tuanku, patik mohonkan ampun. Adapun hulubalang Melayu itu tiada dapat menengar kata yang keji di tengah-tengah majlis."

Dipetik daripada Sastera Epik, Hang Tuah diutus ke Siam

Berikan **dua** pengajaran beserta contoh yang terdapat dalam petikan prosa tradisional tersebut. [4 markah]

4. BLACKWAY : Bukan. Sudah beratus tahun saya berasa bersalah atas penipuan dan pengkhianatan yang saya dan Light lakukan terhadap Sultan Muhammad Jiwa, Sultan Abdullah dan orang Melayu. Saya malu ... malu ... malu. *What a shame!* Nasib baik orang tak kenal sama saya. Nama saya masih bersih, masih suci. Tak disenaraihitamkan walaupun nama saya Blackway. *Thank you, God!*

Dipetik daripada drama Mat Piah dan Mr. Blackway

- a. Jelaskan **satu** persoalan beserta contoh dalam petikan drama di atas. [2 markah]
b. Nyatakan **satu** latar masyarakat beserta contoh dalam petikan drama di atas. [2 markah]

5. 'Ah, lamunanku terlalu jauh,' getus Pak Yasok. Hujan semakin reda, hanya tinggal bintik-bintik kecil sahaja yang jatuh di atas daun-daun. Matahari yang masih malu-malu itu memercikkan sinar cahaya kecil yang jatuh di atas daun-daun yang masih lembap dan basah.

Dipetik daripada cerpen Air Mata Dalang karya Rahimid Zahari

Berikan **satu** teknik plot beserta contoh dalam petikan cerpen di atas. [4 markah]

6. Sehari selepas gerhana matahari penuh, diadakan permainan memburu peliharaan. Tidak kiralah apa-apa nama peliharaan itu sama ada burung, babi, ular, ayam atau tikus. Pada zaman dahulu para bangsawan Ogonshoto malah pernah menangkap penduduk orang asli seminggu menjelang gerhana matahari penuh. Sehari sesudah gerhana itu, penduduk asli itu dilepaskan, kemudian diburu dan dibunuh. Tetapi adat memburu dan membunuh orang dalam permainan itu telah dihapuskan oleh penjajah Eropah.

Dipetik daripada novel Naratif Ogonshoto

Berikan dua latar masa beserta contoh yang terdapat dalam petikan novel di atas. [4 markah]

7. "Hai, Pelebaya! Hendaklah engkau hampir ke mari." Maka Pelebaya pun hampir ke sisi Permaisuri. Bertitah lagi Permaisuri, "Bawa olehmu Si Tambohan ini ke tempat Raden Inu berburu." Kemudian baginda berbisik pada telinga Pelebaya. "Dan padamkan jiwanya sekali, supaya tiada kulihat lagi rupanya dan tiada kudengar lagi namanya. Jangan kau tiada kerjakan perintahku ini."

Dipetik daripada Sastera Panji dalam antologi Nilai Insan

Jelaskan satu kritikan pandangan terhadap perwatakan Permaisuri dalam petikan di atas. [4 markah]

8. SUARA GHAIB THOMAS CARPENTER : Sayangku Anna, tak usah mengikut hati muda. Engkau ttak akan tahan hidup di samping pemuda Melayu ini. Cara hidup keluarganya lain daripada car akita. Engkau tak akan dapat sepenuhnya kasih sayang daripadanya. Sia-sia engkau mencintainya. Dengarlah, percayalah kata-kata ayahmu ini. Tak usahlah kau campakkan kasih sayangku yang sejati kerana mengharapkan sesuatu yang belum pasti... .

Dipetik daripada Drama 'Anna' karya Kemala

Jelaskan satu isu masyarakat beserta contoh dalam petikan drama di atas. [4 markah]

9. Bahkan di bangsal wayang di halaman rumahnya itulah anak-anak muda kampung berkumpul, belajar menabuh gendang. Itu pun selepas solat Isyak apabila semua mereka selesai berjemaah di masjid di kampung. Kalau ada sakit demam atau mati relai, latihan menabuh gong gendang dihentikan sebagai menghormati saudara-mara sekampung.

Dipetik daripada cerpen Air Mata Dalang dalam antologi Kubentang Sehelai Peta.

Berikan dua unsur keagamaan beserta contoh yang terdapat dalam petikan di atas. [4 markah]

10. Degup ingin anak-anak bangsa
Masih kental mengisi mimpi
Membentang tanah yang sesusuk ini
Dengan harga cinta tak ditawarkan
Dengan anyam kasih tak tercelakan.
- Kemerdekaan yang kita genggam bukan kata hiasan
Seperti kedaulatan bukan hanya seuntai slogan
Telah berjanji kita atas nama bumi pusaka
Sepakat rela kita julang menjunjungnya
ke puncak persada.

Dipetik daripada sajak Mencintai Tanah Ini karya Lim Swee Tin

Berikan satu unsur patriotisme beserta contoh dalam petikan sajak di atas. [4 markah]

2022/1/2/1/6/2/3

BAHAGIAN B

[60 markah]

Jawab tiga soalan daripada Bahagian B

11. Berdasarkan drama Anna karya Kemala :

- Jelaskan tiga persoalan yang terdapat dalam drama Anna. [6 markah]
- Huraikan 3 pengajaran yang terdapat dalam drama Anna. [6 markah]

ZAKI : Kasihan Anna. Aku tak salahkan dia. Anna belum dapat memahami aku, doktor.

DR. CHAN : Sabar, Zaki. Berikan dia waktu yang cukup. Kau hadapilah peristiwa ini dengan tenang. Selepas ini, kuharap engkau akan bahagia bersama dengan ibumu dan Tina ...

(Bunyi kapal terbang yang semakin jelas kedengaran. Kemudian beransur-ansur bergerak meninggalkan lapangan terbang. Bunyinya kian menjauh. DR. CHAN dan ZAKI sambil membimbing TINA dan menyorong kerusi roda MAK MUNAH menuju ke kereta di sebelah kanan keluar meninggalkan ruangan)

- Berdasarkan kreativiti anda, sambung dialog petikan drama di atas supaya menjadi skrip drama yang mengandungi enam hingga lapan dialog. [8 markah]

12. Berdasarkan sastera Epik Hang Tuah diutus ke Siam:

- Huraikan tiga pengajaran yang terdapat dalam cerita tersebut. [6 markah]
- Jelaskan tiga latar masyarakat yang terdapat dalam cerita tersebut. [6 markah]
- Berdasarkan cerita Sastera Epik Hang Tuah diutus ke Siam, adaptasi watak dan perwatakan Hang Tuah menjadi dua rangkap pantun empat kerat. Panjang karya anda hendaklah antara 80 hingga 100 patah. [8 markah]

13.

Gurindam Dua Belas (Fasal ketiga dan kelima)

Fasal ketiga:

Apabila terpelihara mata,
sedikit cita-cita.

Apabila terpelihara kuping,
khabar yang jahat tidaklah damping.

Bersungguh-sungguh engkau memelihara tangan,
Daripada segala berat dan ringan.

Apabila perut terlalu penuh,
keluarlah fiil yang tidak senonoh.

Hendaklah peliharakan kaki,
Daripada berjalan membawa rugi.

Fasal kelima;

Jika hendak mengenal orang yang berbangsa,
lihat kepada budi bahasa.

Jika hendak mengenal orang berbahagia,
sangat memelihara yang sia-sia.

Jika hendak mengenal orang yang mulia,
lihatlah kepada kelakuan ia.

Jika hendak mengenal orang berakal,
di dalam dunia mengambil bekal.

Jika hendak mengenal orang baik perangai,
lihat pada Ketika bercampur dengan orang ramai

Md. Yusof Mohd Nor
Puisi Melayu Tradisi, 1996
Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd

- Jelaskan empat ciri puisi di atas. [8 markah]
- Jelaskan maksud rangkap 4 dan rangkap 8 gurindam tersebut. [4 markah]
- Cipta empat rangkap gurindam bertemakan nilai-nilai murni. [8 markah]

14. Berdasarkan sajak di bawah :

Suara Pedih daripada Anak Penghuni Sungai

Aku pernah diajar ,
memahami gerak air sungai
yang mengalir dari hulu
ke muara

lantas memahami kelibat
warga sungai
yang berkeliaran mengejar
fitrah Ilahi.

Aku juga mengerti riak air,
tenang disangka
tiada biawak, keruh disangka
tiada halilintar
mengamuk di empat penjuru alam
hinggakan pusaran angin tengkujuh
terbelenggu antara hempasan air
dengan lingkaran waktu yang berdetik
sehingga burung belibis
termenung duka di penjuru
dahan mati.

Aku tetap memahami
rasa hati jiwa penunggu musim
harapan tetap diabadikan
Tuhan jua yang menentukan
adakala bangsaku bernyawa ikan
tercungap-cungap
di tepi tebing waktu.

Aku adakala terlalu asyik
merenung sengketa
yang tidak berkesudahan
di bumi dan di langit.
Duka yang sering hadir
terpaksa dikendong
sepanjang hayat.

*(Kuala Kubu Baharu)
Naapie Mat*

- Jelaskan nada sajak tersebut. [4 markah]
- Analisis empat gaya bahasa yang terdapat dalam sajak tersebut. [8 markah]
- Cipta sebuah sajak bertemakan alam sekitar. Panjangnya sajak hendaklah di antara 12 hingga 15 baris. [8 markah]

15. Berdasarkan cerpen Gulai Sembilang Untuk Abah karya Fauziah Mohd. Ismail:

- Jelaskan dua nilai murni yang terdapat dalam cerpen tersebut. [4 markah]
- Jelaskan empat persoalan yang terdapat dalam cerpen tersebut. [8 markah]
- Tulis sebuah cerpen bertemakan pengorbanan dalam keluarga. Panjangnya cerita hendaklah antara 80 hingga 100 patah perkataan. [8 markah]

16. Berdasarkan novel *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan Sasterawan Negara:

Taksi tua buatan Jepun itu mula bergerak perlahan, sebelum berhenti di bawah pohonan rendang, agak jauh dari rumah bekas komandan itu.

Dia keluar taksi lalu melangkah ke arah rumah yang tampak uzur dan sepi. Pintu rumah itu terbuka. Rumput-rumput tumbuh liar di pekarangan. Laluan masuk yang bersimen telah berlumut. Pintu rumah itu melopong dan jendela-jendelanya terbuka luas.

Dia menghampiri pintu, ingin masuk, tetapi langkahnya terhenti kerana dia terdengar suara orang mengerang dan bercakap-cakap. Bergeraklah dia menuju jendela terbuka, memerhatikan keadaan rumah itu dari luar.

Seorang lelaki tua, bekas komandan itu, terbaring dan mengerang-erang di atas ranjang. Isterinya yang tua dan lumpuh itu duduk tepok atas lantai simen di sisi ranjang.

- (a) Berdasarkan petikan novel di atas, jelaskan dua perwatakan "lelaki tua".

[4 markah]

- (b) Huraikan satu kritikan sosial yang terdapat dalam novel tersebut.

[4 markah]

- (c) *Kompleks kediamanku ini terletak di sudut sebuah taman yang luas. Apabila seseorang datang berkunjung ke sini, hairanlah mereka kerana suasana persekitaran kompleks itu amat sunyi sepanjang masa, sedangkan di luar taman itu kota Tokyo terus hiruk-pikuk dengan suara penghuninya, kereta api dan kenderaan bertali arus.*

Dengan menggunakan kreativiti anda, sambungkan petikan novel tersebut supaya menjadi bahagian peleraian plot cerita dengan penggunaan beberapa teknik plot.

Panjang cerita hendaklah antara 80 hingga 100 patah perkataan.

[12 markah]

----- SOALAN TAMAT -----